

30 SEP 2002

Ireland-Sambutan/I

SAMBUTAN PENUH ISTIADAT BAGI PRESIDEN IRELAND

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Presiden Mary McAleese dari Ireland yang tiba di sini semalam bagi lawatan rasmi tiga hari diberi sambutan penuh istiadat di Dataran Parlimen di sini, hari ini.

Ketibaan beliau disambut oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan oleh pasukan pancaragam Kor Armor Diraja sebelum Presiden McAleese memeriksa kawalan kehormat oleh 108 pegawai dan anggota daripada Batalion Pertama Askar Melayu Diraja diketuai oleh Mej Abu Samah Mad Noh. Tembakan 21 das juga dilepaskan.

Kemudian, Menteri-menteri Kabinet dan ketua-ketua kedutaan asing di sini di perkenalkan kepada presiden itu.

Presiden McAleese, diiringi oleh suaminya Dr Martin McAleese mengetuai delegasi 55-orang termasuk Menteri Sains dan Pendidikan Noel Dempsey, para pegawai kerajaan dan ahli-ahli perniagaan.

Semasa lawatan tiga hari itu, beliau dijadual melawat Menara Berkembar Petronas dan menyampaikan ucaptama bertema "Menghadapi Cabaran Abad ke 21: Perspektif Ireland" anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar.

Lawatan McAleese bertujuan memperkukuhkan hubungan dua hala antara Ireland dan Malaysia.

-- BERNAMA

YBK RZS RM PR